

## DEMOKRASI DAN PILIHAN RAYA DI DALAM KERAJAAN TEMPATAN

Farah Adilla Ab Rahman<sup>1</sup>

### Abstract

Kerajaan tempatan merupakan peringkat ketiga dalam struktur pentadbiran Malaysia dan ia antara perkara yang sering dibahaskan kerana melibatkan kehidupan rakyat yang sangat peribadi dalam bidang operasinya (Norris, 1980). Kerajaan tempatan memberi peluang kepada penduduk untuk mengambil bahagian dalam pengurusan kawasan-kawasan yang didiami oleh mereka. Ia adalah kerana hal ehwal pengurusan harus ditadbirkan oleh orang-orang yang tinggal di kawasan itu sendiri (Malaysia Kita, 2001). Pilihan raya kerajaan tempatan telah pun dimansuhkan sejak pada tahun 1960-an lagi. Kini, ahli-ahli majlis dilantik oleh kerajaan negeri. Namun begitu, jika pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan di adakan, penduduk dapat melibatkan diri mereka dalam pemilihan ahli majlis yang akan melakukan pembaharuan di kawasan mereka. Ahli majlis pula akan berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang baik kepada penduduk untuk memastikan mereka dilantik dalam pilihan raya yang akan datang. Namun begitu, proses pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan berkenaan akan menyebabkan politiking, pembaziran masa, tenaga dan wang (Berita Harian, 10 Mac 2010). Penulisan ini dibuat untuk memberi kefahaman lanjut mengenai pelbagai perspektif mengenai demokrasi dan pilihan raya di dalam kerajaan tempatan.

Kata kunci: Demokrasi, pilihan raya, kerajaan tempatan

---

<sup>1</sup> Pensyarah, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seremban 3,  
E-mail: [farah855@ns.uitm.edu.my](mailto:farah855@ns.uitm.edu.my)

## **Pendahuluan**

Kerajaan tempatan merupakan peringkat ketiga dalam struktur pentadbiran Malaysia dan ia antara perkara yang sering dibahaskan kerana melibatkan kehidupan rakyat yang sangat peribadi dalam bidang operasinya (Norris, 1980). Kerajaan tempatan memberi peluang kepada penduduk untuk mengambil bahagian dalam pengurusan kawasan-kawasan yang didiami oleh mereka. Ia adalah kerana hal ehwal pengurusan harus ditadbirkan oleh orang-orang yang tinggal di kawasan itu sendiri (Malaysia Kita, 2001). Pilihan raya kerajaan tempatan telah pun dimansuhkan sejak pada tahun 1960-an lagi. Kini, ahli-ahli majlis dilantik oleh kerajaan negeri. Berkaitan kes yang melibatkan bekas ahli Majlis Perbandaran Klang iaitu Datuk Zakaria Md Deros, perkara itu telah menimbulkan isu apabila beliau tidak mengemukakan pelan bangunan untuk sebuah rumah agam miliknya. Beliau juga didapati tidak membayar cukai taksiran bagi harta beliau yang lain selama 12 tahun dan ahli keluarganya telah ditangkap kerana memiliki sebuah restoran sate haram di atas tanah rizab kerajaan (The Star, 11 Mac 2008). Seterusnya, kes dua ahli majlis yang lain iaitu Faizal Abdullah dan Datuk Mazlynoor Abdul Latiff yang tidak mengemukakan pelan bangunan untuk banglo mereka (The Star, 1 Nov 2006). Perkara sedemikian telah menimbulkan persoalan adakah pilihan raya perlu dilakukan di peringkat kerajaan tempatan? Jika pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan di adakan, penduduk dapat melibatkan diri mereka dalam pemilihan ahli majlis yang akan melakukan pembaharuan di kawasan mereka. Ahli majlis pula akan berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang baik kepada penduduk untuk memastikan mereka dilantik dalam pilihan raya yang akan datang. Namun begitu, proses pilihan raya di peringkat kerajaan tempatan berkenaan akan menyebabkan politik, pembaziran masa, tenaga dan wang (Berita Harian, 10 Mac 2010).

## **Definisi Kerajaan Tempatan**

Definisi kerajaan tempatan berbeza bagi setiap ahli akademik. Dari segi definisi, Jackson (1959) telah mendefinisikan kerajaan tempatan sebagai satu kaedah bagi mendapatkan pelbagai perkhidmatan yang disediakan untuk faedah masyarakat.

Woods (1968) pula telah mendefinisikan kerajaan tempatan sebagai sebahagian daripada struktur kerajaan atau perlembagaan negeri dan persekutuan. Sistem kerajaan tempatan tidak boleh wujud dalam pengasingan dari jentera kerajaan negeri dan persekutuan. Kerajaan tempatan mesti melibatkan delegasi kuasa tertentu dan tanggungjawab kerajaan.

Bagi pendapat Eddison (1975) pula, kerajaan tempatan beroperasi di dalam sistem bandar. Ia terdiri daripada pelbagai sistem besar atau sub-sistem yang berkait rapat. Mereka semua berinteraksi (sama ada berkonteks tinggi atau berkonteks rendah) supaya perubahan sama ada secara langsung atau tidak, dapat memberi kesan yang diinginkan. Sistem-sistem ini adalah seperti sistem pengangkutan, sistem pendidikan, sistem pekerjaan dan sebagainya. Sesetengah sistem ini memberi kesan yang mendalam ke atas tingkah laku manusia dan ini juga menarik perhatian kerajaan tempatan. Menurut Eddison (1975) lagi, kerajaan tempatan adalah sebahagian daripada sistem politik, sosial dan ekonomi yang kompleks. Sistem-sistem ini memberi kesan kepada cara kerajaan tempatan beroperasi.

Robertson (1976) menekankan bahawa kerajaan tempatan adalah satu bentuk pentadbiran tempatan perkhidmatan awam. Aktiviti di peringkat kerajaan tempatan dibandingkan secara

jelas dengan aktiviti di peringkat kerajaan negeri umumnya dari segi pentadbiran. Bidang kuasa kerajaan tempatan hanya terhad kepada sebahagian daripada jumlah wilayah negara.

Bagaimanapun Hampton (1991) telah mendefinisikan kerajaan tempatan dengan lebih terperinci lagi dengan menyenaraikan empat ciri untuk mendefinisikan kerajaan tempatan. Pertama, kerajaan tempatan mempunyai struktur fizikal yang jelas iaitu mempunyai sempadan geografi yang berdampingan tetapi tidak bertindih. Kedua, pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab terhadap pelbagai perkhidmatan. Ketiga, ahli majlis dipilih secara langsung dengan cara yang sama tetapi tidak serupa dengan cara yang digunakan untuk pilihan raya parlimen. Keempat, kerajaan tempatan mempunyai kuasa bebas, walaupun dihadkan dari segi meningkatkan cukai. Kesemua ciri ini dapat membezakan kerajaan tempatan dari agensi-agensi lain yang menyediakan perkhidmatan awam.

Ranjit (2005) mendefinisikan kerajaan tempatan sebagai satu peringkat kerajaan yang berasingan memandangkan ia mempunyai kuasa-kuasa seperti membentuk undang-undang kecil, mengutip cukai dan sewa, menubuhkan Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Tempatan (autonomi kewangan), mendakwa, membuat kontrak dan memiliki harta.

Konsep kerajaan tempatan di Malaysia dapat dijelaskan lagi oleh Ahmad Atory (1991) yang mendefinisikan kerajaan tempatan adalah sebagai satu cara pentadbiran sesebuah negara di peringkat bawahan iaitu melalui pentadbiran daerah menerusi pegawai daerah, jabatan, agensi dan perbadanan kerajaan yang tertentu.

### **Fungsi Kerajaan Tempatan di Malaysia**

Kerajaan tempatan adalah kuasa yang terletak di bawah kerajaan negeri. Walaubagaimanapun ia merupakan satu peringkat kerajaan yang berasingan daripada kerajaan negeri. Kuasa-kuasa kerajaan tempatan terletak kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Enakmen Negeri (Malaysia Kita, 2001).

Akta Kerajaan Tempatan 1967 telah menggariskan aktiviti yang boleh dijalankan oleh PBT termasuklah fungsi mandatori dan fungsi yang berbentuk budi bicara. Fungsi mandatori kerajaan tempatan termasuklah aktiviti kritikal seperti mengutip sampah, mengurus lampu jalan dan kesihatan awam. Fungsi yang berbentuk budi bicara pula, termasuklah kemudahan riadah, perumahan dan aktiviti pengalakkan perniagaan (Pentadbiran dan Pengurusan Awam Malaysia, 2006).

Terdapat empat jenis fungsi yang biasa dijalankan oleh PBT, iaitu perlindungan alam sekitar, rekreasi dan perdagangan. Kategori perlindungan melibatkan aktiviti seperti kawalan ke atas kesihatan, keselamatan dan perancangan. Kategori alam sekitar pula menyentuh usaha mewujudkan keadaan sistem ekologi yang seimbang seperti perancangan penggunaan tanah yang optimum dan landskap yang baik. Kategori rekreasi pula adalah usaha menyediakan kemudahan sosial yang sesuai untuk membolehkan penduduk menjalankan kegiatan riadah, manakala kategori perdagangan melibatkan aktiviti yang dapat menjana hasil kepada PBT dan memesatkan pertumbuhan ekonomi setempat (Pentadbiran dan Pengurusan Awam Malaysia, 2006).

## **Teori Demokrasi di dalam Kerajaan Tempatan**

Berdasarkan kepelbagaian latar belakang setiap negara di rantau ini, demokrasi kerajaan tempatan adalah berbeza di setiap negara. Indonesia, Filipina dan India memberikan contoh pembaharuan yang paling dramatik dalam meningkatkan pentadbiran kerajaan tempatan sendiri. Negara-negara seperti China dan Vietnam telah menerima pakai strategi disentralisasi dalam konteks keseluruhan pemodenan ekonomi strategik. Di Pakistan, terdapat satu pergerakan yang ketara dari sentralisasi ke disentralisasi. Sejak tahun 1990-an, kerajaan negara Thailand menyokong disentralisasi walaupun dibantah oleh Kementerian Dalam Negeri mereka. Sebaliknya, di Bangladesh dan Malaysia, rintangan dari kerajaan pusat telah menghalang disentralisasi yang akan mengukuhkan peranan politik kerajaan tempatan (Decentralization and Local Democracy in the World; Executive Summary, 2007).

Menurut Hill (1974), institusi wakil kerajaan tempatan membolehkan lebih ramai penduduk mengambil bahagian dalam demokrasi. Kerajaan tempatan sendiri merupakan sebahagian daripada kerajaan negeri di mana perkhidmatan diberikan kepada penduduk di dalam komuniti mereka, tertakluk kepada pendapat awam dengan faedah pengetahuan tempatan. Teori demokrasi bergantung kepada wakil kerajaan untuk memenuhi matlamat kebebasan, persamaan dan persaudaraan. Prinsip asas institusi perwakilan adalah: pilihan raya bebas; pemerintahan majoriti, perlindungan minoriti yang tertakluk kepada keputusan majoriti dan anggapan bahawa kerajaan beroperasi pada asas perbincangan meluas dan responsif kepada pendapat awam. Wakil institusi dikatakan benar-benar demokratik apabila semua kaum penduduk boleh mengambil bahagian. Pemilihan perwakilan bergantung kepada faktor-faktor sosial dan politik seperti masa, kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan, dan sebagainya. Walaupun hanya sebilangan penduduk dapat bertanding ataupun mengundi, perkara ini adalah wajar kerana majoriti penduduk akan terlibat dalam pentadbiran kerajaan.

Teori demokratik menitikberatkan keperluan untuk saluran komunikasi dan, dalam amalan, ahli politik dan pengundi mereka akan bertemu melalui pelbagai cara. Pendapat awam dibentuk daripada percakapan sesama sendiri, dan dipengaruhi oleh hubungan rakan rapat khususnya di kalangan pemimpin-pemimpin masyarakat yang berpengaruh dan kumpulan mereka. Media massa memberikan satu-satunya sumber maklumat kepada peristiwa-peristiwa semasa. Namun dalam zaman moden, itu adalah satu persembahan politik. Sikap penduduk dan juga sikap mereka terhadap kerajaan dan wakil-wakil kerajaan, adalah juga penting. Untuk teori demokratik menjadi realiti, perlu ada layanan yang adil diantara satu sama lain dan peluang bagi semua orang dalam kehidupan. Pemerintahan majoriti dan wakil kerajaan adalah penting kerana teori demokratik menegaskan mereka yang berkuasa adalah mereka yang telah dipilih oleh pengundi mereka, dan bertanggungjawab kepada pengundi mereka (Hill, 1974).

Profesor Langrod dinyatakan oleh Hill (1974), mengatakan bahawa demokrasi berkaitan dengan pemerintahan majoriti, kesaksamaan dan keseragaman. Kerajaan tempatan sendiri, sebaliknya, adalah sempit, dan hanya tertumpu kepada isu-isu tempatan. Isu-isu tempatan ini tidak melambangkan isu-isu sesebuah negara.

Leo Moulin juga dinyatakan oleh Hill (1974), menafikan tradisi Mill bahawa kerajaan tempatan adalah pendidikan untuk demokrasi. Penglibatan penduduk di dalam kerajaan

tempatan adalah terhad. Walaubagaimanapun, senario pada peringkat kerajaan pusat adalah sangat berbeza kerana skalanya yang besar, menjadikan pengetahuan tempatan tidak sesuai dengan hal ehwal negara.

### **Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dan Isu-isu Mengenalinya**

Ordinan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1950 telah diperkenalkan untuk proses pemilihan ahli majlis untuk majlis-majlis tempatan dan penukaran lembaga bandaran ke dalam majoriti yang dipilih. Majoriti lembaga bandaran menjadi badan-badan tempatan dan kemudian diubah menjadi majlis-majlis. Pada tahun 1954 pindaan kepada Enakmen Lembaga Bandaran lama, diguna pakai dalam undang-undang negeri. Lembaga bandaran membolehkan majlis-majlis tempatan untuk mengekalkan pendapatan mereka dan dengan itu menjadi kewangan autonomi. Dalam tahun 1952, untuk pertama kalinya kerajaan tempatan telah diperkenalkan di kawasan luar bandar. Seterusnya, Ordinan Majlis Tempatan diperkenalkan di kawasan luar bandar. Objekif pembentukan rang undang-undang ini adalah untuk menangani aktiviti-aktiviti komunis semasa Darurat dan penglibatan dalam politik semasa. Pengerusi atau presiden majlis bandaran biasanya adalah pegawai daerah. Konfrontasi dengan Indonesia membawa kepada penggantungan pilihan raya kerajaan tempatan, dan hasilnya tiada pilihan raya kerajaan tempatan sejak tahun 1960-an. Pada bulan November 1971, berikutan mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan telah mengumumkan bahawa semua pilihan raya kerajaan tempatan telah digantung. Keputusan kedua adalah kemuncak satu siri peristiwa yang tidak berkaitan dengan konfrontasi, iaitu kejatuhan dalaman kerajaan tempatan sendiri. Pada tahun 1965, majlis bandar Seremban, ibu negeri Negeri Sembilan, telah diambil alih oleh kerajaan negeri kerana didakwa salah tadbir dan penyelewengan (Beaglehole, 1976).

Isu-isu terkini mengenai pilihanraya kerajaan tempatan Malaysia dapat dirumuskan seperti berikut:

<b>Isu</b>	<b>Surat Khabar</b>
DAP menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memulihkan semula pilihan raya kerajaan tempatan untuk demokrasi, tadbir urus yang baik, kedaulatan undang-undang, akauntabiliti dan ketelusan.  Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan Agenda Tempatan 21 juga berkata pilihan raya kerajaan tempatan akan membolehkan rakyat bersuara atau memberi pendapat dalam sebarang projek pembangunan.	<a href="http://www.blis2.bernama.com">www.blis2.bernama.com</a>
Datuk Seri Najib Razak berkata pilihan raya kerajaan tempatan tidak perlu diadakan semula kerana ia tidak semestinya menjadikan perkhidmatan kepada rakyat bertambah baik.  Proses pilihan raya berkenaan akan menyebabkan politiking, walhal pihak berkuasa tempatan (PBT)	Berita Harian, 10 Mac 2010

<p>sepatutnya menumpukan kepada kaedah memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.</p>	
<p>Kerajaan negeri Pulau Pinang dan Selangor tidak boleh mengadakan pilihan raya PBT kerana tiada peruntukan undang-undang mengenainya. Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusoff, berkata semua peruntukan yang memberi kuasa kepada SPR untuk mengendalikan pilihan raya PBT dalam Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 (APRKT) telah dimansuhkan pada 1976. Kerajaan kemudian menguatkuasakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKT) yang memperuntukkan Seksyen 10(1) bahawa keanggotaan bagi PBT dilakukan secara lantikan. Bagaimanapun, Seksyen 10 (AKT) memberi kuasa penuh kepada pihak berkuasa negeri Pulau Pinang dan Selangor untuk melantik mana-mana ahli majlis PBT. Pemansuhan peruntukan dalam APRKT itu membabitkan semua negeri kecuali Sabah dan Sarawak.</p>	<p>Berita harian, 25 Mac 2010</p>
<p>Kerajaan Negeri Pulau Pinang mahu menyaman kerajaan pusat dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi membolehkan pilihan raya kerajaan tempatan diadakan di kawasan penyeliaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Ketua Menteri, Lim Guan Eng berkata, pilihan raya kerajaan tempatan adalah satu perkara di bawah kelolaan negeri mengikut Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan Dun mempunyai bidang kuasa untuk mengadakan peruntukan bagi mengadakan pilihan raya tempatan di bawah Jadual Kesembilan dan Perkara 113 (4) Perlembagaan Persekutuan. Urusan mengadakan pilihan raya tempatan merupakan salah satu perkara dalam manifesto pilihan raya umum 2008.</p>	<p>Sinar Harian, 24 Feb 2013</p>
<p>Kerajaan Pulau Pinang boleh mengambil perjuangan untuk memperkenalkan semula pilihanraya kerajaan tempatan ke mahkamah namun kerajaan negeri itu tidak mungkin berjaya walaupun ia menyaman Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dan Kerajaan Persekutuan berhubung perkara itu. Pilihan raya kerajaan tempatan telah dimansuhkan dan hakim telah terikat dengan kewajipan untuk mengikuti undang-undang yang telah diluluskan di Parlimen.</p>	<p>New Straits Times, 26 Feb 2013</p>
<p>Kerajaan DAP Pulau Pinang telah memfailkan petisyen pemula di Mahkamah Persekutuan bagi mengembalikan semula pilihan raya kerajaan tempatan di negeri itu agar ahli-ahli majlis perbandaran dipilih menerusi proses undian. Kerajaan pimpinan</p>	<p>Utusan Melayu, 12 Mac 2013</p>

<p>pembangkang itu memohon perisytiharan bahawa Badan Perundangan negeri diberi kuasa eksklusif untuk menggubal undang-undang berkaitan pilihan raya kerajaan tempatan. Petyen itu turut memohon perisytiharan bahawa Seksyen 10 dan Seksyen 15 Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1976 yang menghalang Badan Perundangan negeri menggubal peruntukan untuk pilihan raya itu, adalah tidak sah dan bercanggah dengan Perlembagaan. Sebagai pilihan, kerajaan Pulau Pinang memohon perisytiharan supaya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diberi kuasa mengendalikan pilihan raya kerajaan tempatan di negeri tersebut. Pemohon turut memohon perisytiharan agar SPR mengambil langkah sertaina selaras dengan peruntukan Enakmen Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang dan Seberang Perai) 2012 untuk membantu mengendalikannya.</p>	
---	--

## Kesimpulan

Konsep dan praktis demokrasi adalah penting dalam proses pemilihan ahli majlis. Semenjak kemerdekaan, kerajaan yang memerintah telah mencalonkan wakil mereka untuk pelantikan rasmi bagi agensi kerajaan yang berkenaan. Selalunya pengerusi dan ahli majlis tempatan akan melantik ahli parti yang telah kalah dalam pilihan raya ataupun yang telah dipintas sebagai calon dalam pilihan raya. Sewajarnya, calon yang profesional dipilih bagi memperkukuhkan perjalanan pentadbiran pihak berkuasa tempatan, bukannya berdasarkan politik dan parti. Sekiranya kaedah pelantikan yang sedia ada dikekalkan, kriteria pemilihan yang lebih ketat perlu dipertimbangkan. Sebagai contoh, dalam sesetengah pihak berkuasa tempatan Sarawak, wujud jurang yang luas antara wakil-wakil dari masyarakat Cina, Melayu dan Dayak yang dilantik sebagai ahli majlis dari segi latar belakang mereka iaitu pendidikan. Pertimbangan sewajarnya perlu diambil kira dalam menentukan wakil bagi sesuatu kawasan (Jayum, 2009).

Menurut Jayum (2009) lagi, sekiranya kawasan pihak berkuasa tempatan itu merangkumi pelbagai etnik, wakil tersebut perlu melambangkan puak etnik tersebut. Ini amat penting bagi membolehkan wakil tersebut menghargai peranan dan fungsi mereka dalam persekitaran sedemikian

Masyarakat sivil memainkan peranan penting dalam mempromosikan pentadbiran yang demokratik. Sebagai agen perubahan, masyarakat sivil secara aktif boleh terlibat dalam menganalisis dasar dan advokasi, memantau prestasi negara termasuk tindakan-tindakan dan tingkah laku pegawai-pegawai awam dan membina modal sosial dan membolehkan rakyat untuk mengenal pasti dan menyuarakan nilai-nilai mereka dan norma sivik (Cheema, 2011). Apa yang kerajaan tempatan boleh lakukan ialah dengan menggalakkan lagi penyertaan masyarakat civil dalam pembentukan sesuatu dasar atau program. Kerajaan tempatan boleh menggalakkan penyertaan masyarakat sivil dengan mengadakan seminar ataupun latihan.

Hasil daripada perbincangan di atas, satu kajian di masa akan datang amat penting bagi mencari sejauhmanakah demokrasi di dalam pilihan raya kerajaan tempatan dapat memperkuat lagi kepercayaan penduduk terhadap kerajaan tempatan. Namun, jika tiada pilihan raya kerajaan tempatan yang akan dilakukan, apa yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan tempatan bagi memastikan penduduk berpuas hati dengan sistem demokrasi yang ada sekarang.

## Rujukan

- Ahmad Atory, H. (1991). *Kerajaan Tempatan: Teori dan Peranan di Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Beaglehole, J.H. (1976). *The District: A Study in Decentralization in West Malaysia*. Oxford University Press, Great Britain.
- Berita Harian. (Mac 10, 2010). *Pilihan Raya Kerajaan Tempatan Tak Perlu: PM*. Diambil pada April 3, 2013 dari [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/ptj714d-2/Article/index\\_html](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/ptj714d-2/Article/index_html)
- Berita Harian. (Mac 25, 2010). *Pulau Pinang, Selangor Tak Dibenar Pilihan Raya PBT*. Diambil pada April 3, 2013 dari [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PulauPinang\\_SelangortakdibenarpilihanrayaPBT/Article/](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PulauPinang_SelangortakdibenarpilihanrayaPBT/Article/)
- Bernama. (Mac 1, 2005). *DAP Lancarkan Kempen Pulihkan Untuk Pilihan Raya Kerajaan Tempatan*. Diambil pada April 3, 2013 dari <http://blis2.bernama.com.ezaccess.library.uitm.edu.my/mainHomeBypass.do>
- Cheema, G. S. (2011). Buiding Trust in Government: An Introduction. In G. . Cheema & V. Popovski (Eds.), *Buiding Trust in Government: Innovations in Governance Reform in Asia* (pp. 1–22). United Nations, University Press.
- Decentralization and Local Democracy in the World; Executive Summary. (2007). United Cities and Local Government, Barcelona.
- Eddison, T. (1975). *Local Government: Management and Corporate Planning*. Leonard Hill Books, Great Britain.
- Goay, T.C, Wong, Y.F and Suraini, B. (2009). *Pengajian Am*. Pearson Malaysia Sdn.Bhd.
- Hampton, W. (1991). *Local Government and Urban Politics*, 2nd Edition. Longman, London.
- Hill, D.M. (1974). *Democratic Theory and Local Government*. George Allen and Unwin Limited, London.
- Jackson, P.W. (1976). *Local Government*. Butterworth and Co.Ltd, London.
- Jayum, A. J. (2009). *Malaysian Politics and Government*. Karisma Publications Sdn.Bhd, Shah Alam.
- Malaysia. (1970). *Report of the Royal Commission of Enquiry to Investigate into the Workings of Local Authorities in West Malaysia*. Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur.
- Malaysia Kita. (2001). International Law Book Services, Kuala Lumpur.
- Maud, J. and Finer, S.E. (1964). *Local Government in England and Wales*. Oxford University Press, London.
- Norris, M. W. (1980). *Local Government in Peninsular Malaysia*. David Green Printers, Kettering, Northants.
- Pentadbiran dan Pengurusan Awam Malaysia. (2006). Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Malaysia.



- Ranjit, S.M. (2005). *Pengajian Am, Kenegaraan Malaysia*. TQM Consultants Sdn.Bhd, Malaysia.
- Sinar Harian. (Feb 24, 2013). *Pilihan Raya PBT: Pulau Pinang Mahu Saman Pusat, SPR*. Diambil pada April 3, 2013 dari <http://www.sinarharian.com.my/politik/pilihan-roya-pbt-pulau-pinang-mahu-saman-pusat-spr-1.134173>.
- The Star. (Mac 11, 2008). *Bukan Niat Saya Hendak Menunjuk-Nunjuk*. Diambil pada April 3, 2013 dari <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2008/3/11/nation/20080311085456&sec=nation>.
- The Star. (Nov 1 2006). *Councillor Faizal Also Blames it On His Architect*. Diambil pada April 3, 2013 dari <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2006/11/1/nation/15878918&sec=nation>.
- Utusan Melayu. (Mac 12, 2013). *P. Pinang Fail Petisyen Mahu Adakan Semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan*. Diambil pada April 3, 2013 dari <http://thestar.com.my/news/story.asp?file=/2006/11/1/nation/15878918&sec=nation>.
- Woods, J. (1968). *Local Government in Sarawak*. Government Printing Office, Kuching, Sarawak.